

**TAJUK : PROSPEK DAN MASALAH-MASALAH  
YANG DIHADAPI OLEH INDUSTRI  
KRAFTANGAN DI MALAYSIA**

<b>WAN AHMAD FUAD BIN HJ WAN ABDUL AZIZ</b>	<b>85908339</b>
<b>AZNI BINTI ABDUL RAHMAN</b>	<b>85902515</b>
<b>MOHD. NASIR BIN HASSAN</b>	<b>86000972</b>
<b>RADZUAN BIN ABU HADZIM</b>	<b>86034473</b>
<b>MAZIDAH BT MAJID</b>	<b>86018601</b>

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk memenuhi sebahagian daripada kehendak pengajian kursus Diploma Pengurusan dan Perniagaan di Institut Teknologi Mara.

**Kajian Luar Kampus  
Institut Teknologi Mara  
Jalan Othman, Petaling Jaya  
Selangor**

**Mei 1990**

## PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Kajian Luar Kampus, Institut Teknologi Mara, Jalan Othman, Petaling Jaya Selangor. Encik Roslan Abdullah pegawai Pemasaran, Infokraft di Pesta Kraftangan di Melaka, Puan Rosni Salleh Pegawai Petugas, Infokraft Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur juga kepada Cik Diana Sulaiman wakil penjual di pusat Karyaneka Jalan Kia Peng, Kuala Lumpur yang telah memberi kerjasama semasa kajian ini dijalankan.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Infokraft terutama kakitangan-kakitangan yang terlibat secara terus di dalam bidang pemasaran dan juga kakitangan perpustakaan, Institut Teknologi Mara, Jalan Othman kerana turut membantu sedikit-sebanyak semasa kajian ini dilaksanakan.

Ucapan terimakasih juga kami tujukan kepada Dr Mohd Tahir Haji Abdul Hamid pensyarah kanan yang telah memberi bimbingan di dalam menyempurnakan projek/kajian ini. Akhir sekali kami mengucapkan terimakasih kepada mereka yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam kajian ini.

## ABSTRAK

Pertumbuhan industri pembuatan di Malaysia telah mendapat perhatian utama kerajaan, terutama industri Kraftangan. Berbagai usaha dilakukan demi kemajuan industri tersebut. Kajian yang kami jalankan merupakan salah satu usaha ke arah kesinambungan usaha kerajaan. Hasilnya beberapa objektif telah digariskan dan secara langsung melibatkan para pengusaha dan para pengguna. Secara umumnya masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha ialah tentang teknik pembuatan, kualiti barangan dan pemasaran. Usaha secara bersungguh-sungguh dan penyertaan mereka-mereka yang mahir hendaklah dilakukan secara korporat. Jenis barangan, harga, tempat pemasaran, promosi dan pengedaran juga harus dikenalpasti. Disamping masalah-masalah yang dikenalpasti, penekanan kepada prospek dan masa depan industri Kraftangan juga dipertikaikan. Kemajuan tidak dihadkan kepada permintaan dan penawaran dalaman semata-mata tetapi juga diperingkat antarabangsa. Oleh itu suatu perubahan wajar dilakukan untuk memenuhi citarasa masyarakat antarabangsa samaada dari segi rekabentuk, kualiti dan harga. Walaubagaimanapun kajian yang kami lakukan lebih menyentuh kepada prospek dan masalah yang dihadapi oleh Industri Kraftangan di Malaysia.

Untuk tujuan di atas pengumpulan data melalui beberapa kajiselidik telah dibuat. Antaranya ialah daripada data sekunder dan data utama. Data sekunder didapati secara dalaman dan luaran. Beberapa cara lagi telah dikumpulkan iaitu : temubual secara bersemuka, temubual melalui talipon, temuduga menggunakan kajiselidik, pengamatan dan pemilih sampel. Walaubagaimanapun penghasilan data yang di kumpul kebanyakannya kami dapati daripada rekabentuk borang soalan kajiselidik yang kami ajukan.

**ISI KANDUNGAN****MUKASURAT****BAB SATU : CADANGAN PENYELIDIKAN**

Pendahuluan	1
Latarbelakang terhadap kajian	2
Objektif tentang kajiselidik	4
Hipotesis	5
Kepentingan kajian	6
Ruanglingkup kajian	7
Halangan-halangan Kajian	8
Susunan persembahan	9

**BAB DUA : ULASAN BAHAN KAJIAN**

Definasi Kraftangan	10
Jenis-jenis Industri Kraftangan	11
Industri Kraftangan di Malaysia masa kini	20
Ulasan Karyawan	22

**MUKASURAT**

**BAB TIGA : KAEDAH KAJISELIDIK**

Kaedah pengumpulan data 25

Pemilihan sampel 28

Rekabentuk Borang Kajiselidik 30

Pra-ujian 30

**BIBLIOGRAFI :** 33

**APPENDIKS :**

Appendik A : Soalan kajiselidik

Appendik B : Surat menyurat

Appendik C : Peta dan artikel

Appendik D : Gambar-gambar